



GARIS PANDUAN

**KEHENDAK SUBSTANTIF
PEKERJA SEPENUH MASA YANG LAYAK DAN WAJAR
BAGI ENTITI LABUAN**

KANDUNGAN

MUKA SURAT

1. Objektif	1
2. Kehendak Substantif.....	1
3. Kriteria Pekerja Sepenuh Masa yang Layak dan Wajar.....	1
4. Ketidakpatuhan kepada Kehendak Substantif	4

GARIS PANDUAN KETUA PENGARAH

Seksyen 17A Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (ACAPL) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk mengeluarkan Garis Panduan yang Ketua Pengarah fikirkan sesuai atau perlu.

Garis Panduan diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia bertujuan untuk memberikan penjelasan Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai atau memudahkan pematuhan undang-undang atau apa-apa perkara lain yang berhubungannya.

Ketua Pengarah boleh membatalkan, menyemak atau meminda keseluruhan atau sebahagian daripada Garis Panduan ini dengan penerbitan Garis Panduan yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

1. OBJEKTIF

Objektif garis panduan ini adalah untuk memberi penjelasan berhubung kriteria pekerja sepenuh masa yang layak dan wajar bagi entiti Labuan untuk tujuan pematuhan kehendak substantif seperti yang ditetapkan di bawah Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 (ACAPL) [Akta 445] dan semua perundangan subsidiari berkaitan percukaian Labuan yang mengenakan dan menjelaskan kehendak substantif pekerja sepenuh masa yang layak dan wajar.

Perundangan subsidiari tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Peraturan-Peraturan Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Kehendak bagi Aktiviti Perniagaan Labuan) 2021 [P.U.(A) 423/2021];
- (b) Peraturan-Peraturan Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Kehendak bagi Syarikat Perdagangan Komoditi Antarabangsa Labuan) 2021 [P.U.(A) 482/2021];
- (c) Peraturan-Peraturan Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Kehendak bagi Aktiviti Perniagaan Labuan) (Pindaan) 2025 [P.U.(A) 325/2025]; dan
- (d) Peraturan-Peraturan Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Kehendak bagi Syarikat Perdagangan Komoditi Antarabangsa Labuan) (Pindaan) 2025 [P.U.(A) 326/2025].

Garis panduan ini dikeluarkan menurut seksyen 17A ACAPL.

2. KEHENDAK SUBSTANTIF

Entiti Labuan yang menjalankan suatu aktiviti perniagaan Labuan di bawah perenggan 2B(1)(b) ACAPL hendaklah mempunyai bilangan pekerja sepenuh masa yang layak dan wajar serta amaun perbelanjaan operasi tahunan yang mencukupi di Labuan.

3. KRITERIA PEKERJA SEPENUH MASA YANG LAYAK DAN WAJAR

- 3.1. Kriteria pekerja sepenuh masa bagi memenuhi kehendak substantif adalah seperti berikut:
 - (a) Pekerja yang memenuhi kriteria layak dan wajar;
 - (b) Pekerja diambil bekerja secara tetap atau kontrak oleh entiti Labuan; dan

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- (c) Pekerja menjalankan pekerjaannya dengan entiti Labuan secara fizikal di Labuan.

3.2. Pekerja sepenuh masa dianggap memenuhi kriteria layak dan wajar apabila:

- (a) Pekerjaan yang dilakukan oleh pekerja sepenuh masa itu adalah bersesuaian dengan aktiviti perniagaan Labuan yang dijalankan oleh entiti Labuan. Pekerjaan hendaklah meliputi kerja pejabat dan tidak termasuk kerja am.

Pekerja yang menjalankan kerja pejabat bermaksud pekerja yang melaksanakan kerja pengurusan, kesetiausahaan, perkeranian, kerja separuh mahir atau kerja mahir lain yang kebanyakannya dilakukan dalam suasana pejabat.

Senarai kerja pejabat dan kerja am antaranya adalah seperti berikut:

Kerja Pejabat	Kerja Am
▪ Pengarah ▪ Pengurus ▪ Setiausaha ▪ Kerani pentadbiran / perakaunan	▪ Penyambut tetamu ▪ Kerani penghantaran ▪ Pekerja pembersihan pejabat ▪ Pembantu pantri

Contoh 1

Altit Fort (Labuan) Ltd. adalah sebuah bank pelaburan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990. Altit Fort (Labuan) Ltd. mempunyai tiga orang pekerja sepenuh masa di Labuan yang terdiri daripada pengurus syarikat, setiausaha dan kerani perakaunan. Oleh itu, Altit Fort (Labuan) Ltd. telah memenuhi kehendak substantif pekerja sepenuh masa yang layak dan wajar bagi entiti Labuan di bawah ACAPL, P.U.(A) 423/2021 dan P.U.(A) 325/2025.

Contoh 2

Skardu (Labuan) Ltd. adalah sebuah syarikat yang baharu ditubuhkan dan menjalankan aktiviti perniagaan Labuan sebagai syarikat amanah Labuan. Bagi menjalankan operasi perniagaan di Labuan, Skardu (Labuan) Ltd. telah mengambil beberapa orang pekerja yang terdiri daripada pengarah urusan, kerani am dan seorang pekerja pembersihan pejabat. Skardu (Labuan) Ltd. tidak memenuhi kehendak substantif bagi entiti Labuan di bawah ACAPL,

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

P.U.(A) 423/2021 dan P.U.(A) 325/2025 kerana pekerja pembersihan pejabat tidak memenuhi kriteria sebagai pekerja sepenuh masa yang layak dan wajar.

- (b) Pekerja sepenuh masa itu hendaklah mempunyai kompetensi dan kebolehan yang mencukupi dan bersesuaian dalam menjalankan pekerjaannya. Ini termasuk mempunyai kelayakan, kemahiran dan pengalaman kerja yang bersesuaian dengan pekerjaannya yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan Labuan yang dijalankan oleh entiti Labuan itu; dan
- (c) Pekerja sepenuh masa itu tidak mempunyai konflik kepentingan dalam menjalankan tugas dengan entiti Labuan. Konflik kepentingan timbul apabila wujud kepentingan peribadi atau tanggungjawab lain di luar aktiviti perniagaan Labuan yang dijalankan oleh entiti Labuan yang berpotensi mengganggu keupayaannya untuk memenuhi tugas dan tanggungjawab sebagai pekerja sepenuh masa bagi entiti Labuan itu.

- 3.3. Pekerja sepenuh masa yang layak dan wajar yang berkhidmat dengan entiti Labuan hendaklah mempunyai kontrak perkhidmatan dengan entiti Labuan tersebut. Sebarang kaedah pengambilan pekerja secara penyumberan luar sama ada untuk mendapatkan pekerja tetap atau kontrak adalah tidak termasuk di bawah kriteria pekerja sepenuh masa yang layak dan wajar bagi memenuhi kehendak substantif.

Contoh 3

Baltit Fort (Labuan) Ltd. adalah syarikat kewangan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990. Baltit Fort (Labuan) Ltd. telah mengambil pekerja kontrak melalui agensi pekerjaan, PIA Management Sdn. Bhd. untuk bekerja di Labuan. Gaji pekerja kontrak tersebut dibayar oleh Baltit Fort (Labuan) Ltd. melalui PIA Management Sdn. Bhd.

Baltit Fort (Labuan) Ltd. tidak memenuhi kehendak substantif pekerja sepenuh masa yang layak dan wajar bagi entiti Labuan di bawah ACAPL, P.U.(A) 423/2021 dan P.U.(A) 325/2025 kerana mengambil pekerja tersebut menggunakan kaedah penyumberan luar dan tiada kontrak perkhidmatan antara pekerja kontrak dengan Baltit Fort (Labuan) Ltd.

- 3.4. Pekerja sepenuh masa itu hendaklah menjalankan pekerjaan yang berkenaan aktiviti perniagaan Labuan yang dijalankan oleh entiti Labuan itu secara fizikal di Labuan sepanjang tempoh asas bagi memenuhi kehendak substantif. Kewujudan pekerja sepenuh masa secara fizikal di Labuan boleh disokong dengan dokumen yang merekodkan jumlah masa bekerja, sistem ketikan masa dan kaedah-kaedah lain yang bersesuaian.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 3.5. Entiti Labuan yang berkaitan dalam kumpulan syarikat yang sama boleh beroperasi di Labuan secara berkongsi pejabat tetapi hendaklah mengasingkan pekerja sepenuh masa yang layak dan wajar mengikut aktiviti perniagaan Labuan masing-masing bagi setiap entiti Labuan. Kaedah pengasingan yang digunakan bagi setiap entiti Labuan tersebut hendaklah konsisten.

4. KETIDAKPATUHAN KEPADA KEHENDAK SUBSTANTIF

Entiti Labuan yang tidak memenuhi bilangan dan kriteria pekerja sepenuh masa yang layak dan wajar dianggap tidak mematuhi kehendak substantif dan tidak layak untuk menikmati kadar cukai 3% bagi aktiviti perdagangan Labuan atau tiada pengenaan cukai bagi aktiviti bukan perdagangan Labuan. Entiti Labuan tersebut akan tertakluk kepada kadar cukai 24% di bawah subseksyen 2B(1A) ACAPL.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

5 November 2025

s.k.: LHDN.01/35/(S)/42/51/360